

# Bengkel Semakan Peraturan memperkasa tadbir urus kolej kediaman UMS

JB 11.7.2019 32

KOTA KINABALU: Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) dengan kerjasama Majlis Pengetua Kolej Kediaman (MaPEK) mangadakan Bengkel Semakan Peraturan Asrama/Kolej Kediaman 2019 Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Bengkel ini diadakan selama sehari bagi menambahbaik dan memurnikan dokumentasi berkaitan sebelum ini khususnya bagi kemudahan sesi 2019/2020 yang akan bermula pada September 2019.

Menurut Pengarah PPPH UMS Talib Abdullah Shani, bengkel ini amat penting bagi mengemaskini peraturan/tatacara di kolej kediaman UMS yang sedia ada.

Ia juga bertujuan memastikan peraturan/tatacara sentiasa relevan untuk di-



**SESI bergambar Talib bersama barisan pengetua, timbalan pengetua, dan kakitangan pentadbiran HEP kolej kediaman serta kakitangan PPPH.**

praktikkan khususnya di semua kolej kediaman UMS selari dengan apa yang di praktikkan di kebanyakan kolej kediaman universiti

awam yang lain.

Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Dr Ismail Ali, melihat melalui pelaksanaan bengkel ini ia

bukan sahaja memastikan peraturan/tatacara di kolej kediaman bersifat praktikal malah ia mampu memperkasakan tadbir urus semua



**SESI perbincangan dan semakan Peraturan Khas Asrama/Kolej Kediaman UMS 2019 bersama Talib.**

kolej kediaman di UMS.

Terdapat pelbagai aspek yang disemak dan dibincangkan berhubung dengan perkara ini antaranya termasuklah panduan khas kepada mahasiswa/i UMS berkenaan dengan Pusat

Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH), pengurusan dan pentadbiran kolej kediaman serta peraturan dan/atau tatacara di kolej kediaman UMS.

Program ini telah dia dakan di Hotelab, Fakulti

Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS melibatkan seramai 20 orang ahli termasuklah kakitangan PPPH, barisan pengetua, Pegawai Undang-Undang serta kakitangan HEP kolej kediaman masing-masing.